DEWAN BANDARAYA
KUALA LUMPUR

# PELAN STRATEGIK DBKL

## 2021 – 2030

PINDAAN TAHUN 2024

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| KATA ALU-ALUAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR | 3 |
| VISI & MISI | 4 |
| FUNGSI & PERANAN | 5 |
| NILAI BERSAMA | 6 |
| PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN DKL | 7 |
| STRUKTUR ORGANISASI | 8 |
| ASAS PELAN STRATEGIK | 9 |
| ISU DAN CABARAN | 10 |

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| PELAN - PELAN DBKL | 11 |
| MATLAMAT | 12 |
| MATLAMAT 1 BANDAR RAYA MAMPAN | 14 |
| MATLAMAT 2 KEMAKMURAN EKONOMI | 24 |
| MATLAMAT 3 KEHIDUPAN BANDAR BERKUALITI | 30 |
| MATLAMAT 4 MASYARAKAT HARMONI | 39 |
| MATLAMAT 5 TADBIR URUS CEMERLANG | 45 |
| PENUTUP | 56 |

# KATA ALU-ALUAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR



Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera,

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya pelaksanaan Pelan Strategik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (PSDBKL) 2021-2030 kini telah menjangkau tahun keempat sejak dimulakan pada Jun 2021.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada seluruh warga DBKL yang telah melaksanakan setiap tindakan strategik dengan penuh dedikasi. Komitmen padu ini menjadi teras dalam usaha kita untuk merealisasikan visi mentransformasikan Kuala Lumpur ke arah bandar yang lebih mampan, berdaya tahan, berdaya huni dan disayangi oleh semua.

Pelan Strategik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2021-2030 merupakan dokumen hala tuju yang menyeluruh dan berpaksikan rakyat, digubal sejajar dengan dasar Kerajaan Persekutuan serta aspirasi global seperti Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Pelan ini memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti hidup warga kota melalui perkhidmatan perbandaran yang efisien, pembangunan ekonomi yang adil, pemeliharaan alam sekitar, pemerkasaan komuniti, serta inovasi teknologi yang memberi impak nyata kepada rakyat.

Sehubungan itu, PSDBKL 2021-2030 telah dipinda untuk membawa visi dan misi yang diharapkan akan meningkatkan kecemerlangan berterusan kepada DBKL. Pindaan yang dibuat adalah penambahbaikan ke atas strategi dan pelan tindakan bagi memperkukuhkan halatuju setiap jabatan di DBKL dan memperkemaskan pendokumenan pelan strategik.

Sebagai bandar raya yang sentiasa berkembang, kita tidak hanya merancang untuk hari ini tetapi juga untuk masa depan. Justeru, pelaksanaan PSDBKL bukanlah semata-mata tentang mencapai sasaran jangka pendek tetapi tentang membina asas kukuh ke arah Kuala Lumpur yang lebih berdaya tahan, berdaya huni dan untuk semua.

Akhir kata, saya menyeru agar setiap tindakan di bawah PSDBKL terus dilaksanakan dengan amanah, telus dan dengan semangat berpasukan. Dengan sokongan semua pihak, insya-Allah kita mampu memastikan kemakmuran dan kesejahteraan warga kota dapat terus diperkukuh demi masa depan Kuala Lumpur yang gemilang.

“ Kita tidak hanya membina sebuah bandar yang selesa untuk didiami, tetapi sebuah Kuala Lumpur yang disayangi oleh semua.”

***Dato’ Seri TPr (Dr.) Maimunah Binti Mohd Sharif***
***Datuk Bandar Kuala Lumpur***

# VISI & MISI

## VISI

Bandar Raya Sejahtera Untuk Semua Menjelang Tahun 2030.

## MISI

Untuk mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan ibu kota Kuala Lumpur menerusi program pembangunan fizikal, sosio-ekonomi, kawalan perancangan dan perkhidmatan perbandaran secara terancang dan selaras berteraskan tadbir urus yang cemerlang

***Bersedia Menyumbang, Bandar Raya Cemerlang***

# FUNGSI DAN PERANAN DBKL

1. Merancang & mengawal pembangunan bandar
2. Mengawal selia pengurusan sisa pepejal & pembersihan awam
3. Memberi perkhidmatan kesihatan awam dan mengawal pencemaran
4. Membina, menyelenggara dan mengurus infrastruktur jalan, kemudahan pengangkutan bandar dan lalu lintas
5. Mengurus & menyelenggara PPR & PA
6. Mengurus & menyelenggara sungai, saliran dan sistem perparitan
7. Membangun & mengurus hal ehwal penjaja & peniaga kecil
8. Mengawal lesen perniagaan
9. Mengurus pengindahan bandar
10. Menyedia, mengurus dan menyelanggara kemudahan awam
11. Merancang dan melaksanakan aktiviti sukan, kebudayaan dan promosi pelancongan
12. Memberi perkhidmatan komuniti dan sosial kepada warga kota
13. Menyelaras program pembangunan semula bandar
14. Menjalankan tindakan menguatkuasakan undang-undang
15. Berperanan sebagai Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COB)

# NILAI BERSAMA

## D DINAMIK

Berazam untuk membuat penyesuaian serta menerajui pembaharuan dan kemajuan ke arah bandar raya yang lebih sejahtera

## B BIJAKSANA

Komited dalam perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur untuk kekal berdaya maju, berdaya huni dan berdaya saing menggunakan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi

## K KREATIF

Berpandangan jauh dan berkebolehan dalam mencipta, menghasil dan meluaskan idea dan fikiran yang asli bagi menerajui organisasi ke arah kemajuan

## L LESTARI

Tulus dalam mengekalkan nilai-nilai murni dan persekitaran kerja yang berintegriti dalam memberikan perkhidmatan yang cekap untuk kepentingan awam dan negara

# PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN DBKL



# CARTA ORGANISASI DBKL



# ASAS PELAN STRATEGIK



# ISU DAN CABARAN

Isu kemiskinan bandar

Kadar sewa perumahan awam yang kurang memuaskan

Penguasaan kegiatan ekonomi yang tidak didaftar oleh warga asing

Kesesakan lalu lintas pada waktu puncak dan penggunaan pengangkutan awam

Kos pemilikan rumah (swasta) di kawasan bandar yang tinggi

Gejala sosial dan vandalisme

Kos sewa gerai dan ruang niaga yang rendah

Kos pengurusan sisa pepejal yang tinggi

Kelemahan penyampaian perkhidmatan perbandaran (Contoh; pembersihan, penyelenggaraan dll)

Ruang dan kos tempat letak kereta yang kurang memuaskan

Peluang penjanaan ekonomi dan persekitaran perniagaan kurang berdaya saing

Pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar yang tidak seimbang

Pencemaran alam sekitar yang kurang terkawal

# PELAN – PELAN DBKL

1. PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR 2040
2. PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR 2040
3. BLUEPRINT RENDAH KARBON KUALA LUMPUR 2030
4. PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN PENJAJA WPKL 2021-2030
5. PELAN STRATEGIK PENGURUSAN KEWANGAN
6. PELAN INDUK LANDSKAP WPKL
7. PELAN INDUK JEJAK WARISAN KUALA LUMPUR
8. PELAN INDUK TRAFIK KL
9. BLUEPRINT KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR
10. PELAN STRATEGIK ICT 2021-2025 & 2026 -2030
11. BLUEPRINT BANDAR PINTAR
12. BLUEPRINT PENARAFAN KEBERSIHAN WPKL
13. PELAN PENGURUSAN POKOK RENDANG
14. PELAN STRATEGIK KOMUNIKASI
15. PELAN INDUK PELANCONGAN KUALA LUMPUR 2015 - 2025
16. PELAN STRATEGIK PENGUATKUASAAN 2030
17. PELAN INDUK SISTEM SALIRAN & PENGURUSAN AIR HUJAN KUALA LUMPUR
18. PELAN STRATEGIK SUMBER MANUSIA 2025
19. PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI
20. PELAN INDUK PEJALAN KAKI DAN BERBASIKAL KUALA LUMPUR 2019 -2028

# MATLAMAT PSDBKL

**1**

**Bandar Raya Mampan**

Memacu pembangunan bandar dan infrastruktur yang strategik serta pelestarian alam sekitar.

**2**

**Kemakmuran Ekonomi**

Menggalakkan perkembangan perniagaan, menjadi hub pelancongan serta meningkatkan peluang pendapatan.

**3**

**Kehidupan Bandar Berkualiti**

Meningkatkan persekitaran yang kondusif dan selamat untuk keselesaaan warga kota.

**4**

**Masyarakat Harmoni**

Menyemai perpaduan, keadilan sosial dan peka terhadap komuniti sekitar.

**5**

**Tadbir Urus Cemerlang**

Memastikan pentadbiran dilaksanakan dengan telus dan cekap serta pengurusan sumber yang cekap.

# PELAN STRATEGIK DBKL 2021-2030

## MATLAMAT 1
## BANDAR RAYA MAMPAN

3 STRATEGI

20 PELAN TINDAKAN

# MATLAMAT 1 – BANDAR RAYA MAMPAN

## STRATEGI 1: MENGURUS PEMBANGUNAN BANDAR DENGAN LEBIH TERATUR DAN STRATEGIK

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | PELAKSANAAN PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR (PSKL) 2040 |
| ii. | PELAKSANAAN PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR (PTKL) 2040 |
| iii. | PELAKSANAAN PELAN INDUK JEJAK WARISAN KUALA LUMPUR |
| iv. | MENAIKTARAF KAWASAN USANG |
| v. | PELAKSANAAN PELAN INDUK LANDSKAP KUALA LUMPUR |
| vi. | PEMATUHAN PELAKSANAAN LANGKAH BAGI PROGRAM BANDAR SELAMAT *(CRIME PREVENTION THROUGH ENVIRONMENTAL DESIGN -CPTED*) |
| vii. | PELAKSANAAN PELAN INDUK SISTEM SALIRAN DAN PENGURUSAN AIR HUJAN KUALA LUMPUR |
| viii. | PENGURUSAN TEMPAT LETAK KERETA DI KAWASAN BERKEPADATAN TINGGI |
| ix. | MENINGKATKAN PERSEKITARAN REKA BENTUK SEJAGAT (*UNIVERSAL DESIGN*) DENGAN MEWUJUDKAN BANDAR UNTUK SEMUA (*CITY FOR ALL) TERMASUK ORANG KURANG UPAYA (OKU)* |
| x. | MENINGKATKAN PENCAPAIAN DALAM PENARAFAN PENGUKURAN KEMAMPANAN BANDAR |
| xi. | MENYEDIAKAN PELAN PEMETAAN UTILITI BAWAH TANAH KUALA LUMPUR |

## STRATEGI 2 : MENGGERAKKAN USAHA KE ARAH BANDAR RAYA RENDAH KARBON

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | PELAKSANAAN *LOW CARBON SOCIETY BLUEPRINT* 2030 |
| ii. | MEWUJUDKAN JARINGAN PENGANGKUTAN AWAM BERSEPADU |
| iii. | PELAKSANAAN *LOW CARBON BUILDING* |
| iv. | PELAKSANAAN LAMPU AWAM CEKAP TENAGA |
| v. | MENINGKATKAN KECEKAPAN BAGI *'FIRST MILE- LAST MILE'* |
| vi. | PELAKSANAAN *GREEN TRANSPORT/ GREEN MOBILITY* |

## STRATEGI 3 : KELANCARAN TRAFIK DI KAWASAN BANDAR

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | PELAKSANAAN PELAN INDUK TRAFIK KUALA LUMPUR |
| ii. | PELAKSANAAN PELAN INDUK LALUAN PEJALAN KAKI DAN BERBASIKAL KUALA LUMPUR |
| iii. | PENAMBAHAN LALUAN BARU BAS GOKL |

# MATLAMAT 1 BANDAR RAYA MAMPAN

## STRATEGI 1: MENGURUS PEMBANGUNAN BANDAR DENGAN LEBIH TERATUR DAN STRATEGIK

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Pelaksanaan Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2040 | a) Peringkat penyediaan laporan: -<br>i. Menyediakan Draf PSKL 2040;<br>ii. Mengadakan Pameran Awam Draf PSKL 2040;<br>iii. Mengadakan Sesi Pendengaran Pandangan Draf PSKL 2040;<br>iv. Membuat Pindaan Draf PSKL 2040; dan<br>v. Menyerahkan kepada YAB Perdana Menteri untuk penelitian dan kelulusan.<br>b) Peringkat Pelaksanaan dan Pemantauan. | 1<br><br>100% | 2023<br><br>2024-2040 | Perancangan perbandaran yang lebih teratur dan menyeluruh untuk semua. | JPRB |
| ii. Pelaksanaan Pelan Kuala Lumpur (PTKL) 2040 | a) Peringkat penyediaan laporan: -<br>i. Menyediakan Draf PTKL 2040;<br>ii. Mengadakan Pameran Awam Draf PTKL 2040;<br>iii. Mengadakan Sesi Pendengaran Pandangan Draf PTKL 2040;<br>iv. Membuat Pindaan Draf PTKL 2040; dan<br>v. Menyerahkan kepada YAB Perdana Menteri untuk penelitian dan kelulusan.<br>b) Peringkat Pelaksanaan dan Pemantauan. | 1<br><br>100% | 2024<br><br>2025-2040 | Perancangan perbandaran yang lebih teratur dan menyeluruh untuk semua. | JPRB |

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| iii. Pelaksanaan Pelan Induk Jejak Warisan Kuala Lumpur | a) Peratus penyediaan Jejak Warisan Kuala Lumpur; dan<br>b) Peratus pelaksanaan penyelenggaraan Jejak Warisan sedia ada. | 100% | 2021-2030 | Laluan Jejak Warisan Kuala Lumpur dengan kemudahan sokongan pelawat dan mengetengahkan warisan Kuala Lumpur dan bangunan-bangunan ikonik sedia ada. | JPRB<br>JPPPB<br>JUB |
| iv. Menaiktaraf Kawasan Usang | Jumlah kawasan untuk dibangunkan | 10 tahun | 2021-2030 | • Membangunkan tarikan pelancong dan mengindahkan kawasan bandar;<br>• Memberi imej positif terhadap kawasan usang;<br>• Mengurangkan aktiviti jenayah dan tidak bermoral terutama di kawasan lorong belakang; dan<br>• Membuka peluang kepada pemilik premis untuk menjalankan aktiviti jualan, riadah atau hiburan pada waktu malam kerana kawasan diterangi lampu hiasan. | JPEP<br>JPPPB<br>JPRB<br>JPLR<br>JPB |

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| v. Pelaksanaan Pelan Induk Landskap Kuala Lumpur | Peratus pelaksanaan tindakan pelan | 100% | 2021-2030 | ● Implementasi Pelan Induk Landskap Kuala Lumpur 2040; dan<br>● Mewujudkan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya dalam taman yang memiliki kepelbagaian biodiversiti. | JPLR |
| vi. Pematuhan Pelaksanaan Langkah Bagi Program Bandar Selamat (*Crime Prevention Through Environmental Design -CPTED*)<br><br>Elemen Bandar Selamat:<br>▪ Sistem pencahayaan yang berkesan<br>▪ Pagar keselamatan *Bollard* dan<br>▪ *Green Buffer* | Peratus pelaksanaan Program Bandar Selamat | 80% | 2021-2030 | ● Mewujudkan persekitaran selamat dan mesra terutama di kawasan *hotspot* dan tumpuan awam;<br>● Kesejahteraan warga kota;<br>● Menurunkan kadar jenayah; dan<br>● Pertambahan bilangan pelancong. | JPRB |

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| ▪ Cermin Cembung<br>▪ Mengemas semak samun<br>▪ CCTV<br>UAS (*Unmanned Aircraft System) Surveillance* | | | | | |
| vii. Pelaksanaan Pelan Induk Sistem Saliran Dan Pengurusan Hujan Kuala Lumpur | i. Dokumen kajian<br>ii. Peratus pelaksanaan 81 langkah mitigasi banjir mengikut Pelan Induk. | 1<br>100% | 2021-2030 | Mengurangkan berlakunya kejadian banjir kilat di kawasan tadahan *(catchment area)* Pelan Induk. | JKAWS<br>JPIF |
| viii. Pengurusan Tempat Letak Kereta di Kawasan Perumahan Berkepadatan Tinggi | Mengoptimumkan penggunaan petak parkir di 14 Tempat Letak Kereta Bertingkat (TLKB). | 50% | 2021-2030 | • Mengurangkan kesesakan di kawasan perumahan berkepadatan tinggi<br>• Memastikan laluan kenderaan terutama kenderaan utiliti dan kecemasan sentiasa lancar. | JPKKB<br>JPPPB |

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| ix. Meningkatkan Persekitaran Reka Bentuk Sejagat *(Universal Design)* Dengan Mewujudkan Bandar Untuk Semua *(City for All)* Termasuk Orang Kurang Upaya (OKU) | Peratus sesi audit akses yang dilaksanakan mengikut sasaran tahun semasa yang mesra Orang Kurang Upaya (OKU) dengan memenuhi persekitaran Reka Bentuk Sejagat | 20 sesi audit setahun | 2021-2030 | • Pelaksanaan Audit Aksesibiliti;<br>• Laporan audit akses dikemukakan kepada Jawatankuasa Aksesibiliti DBKL;<br>• Penambahbaikan oleh jabatan teknikal dan pemilik bangunan; dan<br>• Fasiliti awam yang mesra OKU selaras dengan konsep Bandar Bebas Halangan (*Barrier Free).* | JPPPB<br>JPIF<br>JPRB<br>JKB<br>JKAWS<br>JPB |
| x. Meningkatkan Pencapaian dalam Penarafan Pengukuran Kemampanan Bandar | Peratus pencapaian penarafan MURNINets | 100% | 2021-2030 | Mengekalkan status Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Mampan | JPRB |
| xi. Menyediakan Pelan Pemetaan Utiliti Bawah Tanah Kuala Lumpur | Peratus penyediaan Peta Jaringan Utiliti Bawah Tanah seluruh Kuala Lumpur | 200km setahun | 2021-2030 | Pengurusan infrastruktur dan pembangunan kerja tanah, jalan dan parit yang efisien | JPPH |

# MATLAMAT 1 BANDAR RAYA MAMPAN

## STRATEGI 2: MENGGERAKKAN USAHA KE ARAH BANDAR RAYA RENDAH KARBON

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Pelaksanaan *Low Carbon Society Blueprint* | Peratus pencapaian kadar penurunan pelepasan Gas Rumah Hijau sebanyak 70% | 70% | 2021-2030 | Mengurangkan kadar pelepasan gas rumah hijau yang menyumbang kepada pemanasan global dan penipisan lapisan ozon. | JPRB |
| ii. Mewujudkan Jaringan Pengangkutan Awam Bersepadu | i. Peratus peningkatan penggunaan pengangkutan awam<br>ii. Panjang dan bilangan laluan pejalan kaki berbumbung dibina/dinaiktaraf<br>iii. Panjang dan bilangan laluan basikal dibina/dinaik taraf; dan<br>iv. Bilangan tempat letak kereta dan *connectivity* dengan kawasan sekitar. | Pisah Ragam (60:40)<br>5KM<br>70KM<br>2 | 2021-2030 | • Mengurangkan kesesakan lalu lintas; dan<br>• Memberi kesan positif kepada alam sekitar. | JPB<br>JPRB<br>JPIF |
| iii. Pelaksanaan *Low Carbon Building* | Peratusan permohonan semua bangunan baharu bagi berskala besar (bangunan 5 tingkat dan ke atas atau melebihi 1000 m²) di WPKL perlu bertaraf bangunan rendah karbon. | 100% | 2021-2030 | • Menggalakkan penjimatan dengan menjana guna tenaga sendiri; dan<br>• Melestarikan ekosistem. | JKB |

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| iv. Pelaksanaan Lampu Awam Cekap Tenaga | i. Peratusan penggantian lampu jalan LED dan lampu solar di Kuala Lumpur;<br>ii. Penyediaan dokumen spesifikasi pemasangan lampu jalan, lampu awam dan lampu solar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan<br>iii. Penyediaan garis panduan pemasangan lampu jalan, lampu awam dan lampu solar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. | 100%<br>1<br>1 | 2021-2025 | • Menggalakkan penjimatan tenaga<br>• Melestarikan ekosistem | JKME |
| v. Meningkatkan Kecekapan bagi *First Mile – Last Mile*<br>- Laluan pejalan kaki, laluan basikal, *feeder bus* dan perhentian bas | Peratus pelaksanaan terhadap keperluan infrastruktur FM/LM | Pisah Ragam (60:40)<br>FM: 80%<br>LM :80% | 2021-2030 | Peningkatan daya kebolehsampaian dan mobiliti dari kawasan penempatan – stesen transit (contoh; MRT / LRT)<br>– destinasi (pejabat/ tempat bertugas) | JPB |
| vi. Pelaksanaan *Green Transport/ Green Mobility* | i. Dasar penyediaan tiket kadar tetap perkhidmatan ulang alik percuma; dan<br>ii. Penyediaan laman web bagi merancang perjalanan. | 1<br>1 | 2021-2022<br>2021-2023 | • Memberi kesan positif kepada alam sekitar; dan<br>• Mengurangkan kadar pelepasan gas hijau yang berpotensi menyebabkan pemanasan global | JPB |

# MATLAMAT 1 BANDAR RAYA MAMPAN

## STRATEGI 3: KELANCARAN TRAFIK DI KAWASAN BANDAR

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Pelaksanaan Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur | Peratus pelaksanaan tindakan | 100% | 2021-2030 | • Pemodelan sistem, perancangan naik taraf dan pembinaan jalan baru selaras dengan kelulusan pembangunan;<br>• Penyemakan Laporan Impak Trafik yang dikemukakan oleh Jurutera Perunding; dan<br>• Masalah kesesakan lalu lintas dapat dikesan awal dan cadangan penyelesaian dikenal pasti lebih cepat. | JPIF |
| ii. Pelaksanaan Pelan Induk Laluan Pejalan Kaki dan Berbasikal Kuala Lumpur | Peratus pelaksanaan tindakan | 100% | 2021 - 2030 | • Peratus pelaksanaan penyediaan laluan pejalan kaki dan berbasikal Kuala Lumpur.<br>• Peratusan pencapaian mobiliti aktif KL (pejalan kaki dan berbasikal). | JPIF |
| iii. Penambahan Laluan Baru Bas GOKL | Menyediakan laluan bas GOKL di setiap parlimen. | Satu (1) laluan di setiap parlimen | 2021-2030 | • Menggalakkan penggunaan kenderaan awam.<br>• Mengurangkan kesesakan lalu lintas di pusat bandar.<br>• Mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian<br>• Mengurangkan *"carbon footprint"* di pusat bandar. | JPB |

# PELAN STRATEGIK DBKL 2021-2030

## MATLAMAT 2
## KEMAKMURAN EKONOMI

4 STRATEGI | 9 PELAN TINDAKAN

# MATLAMAT 2: KEMAKMURAN EKONOMI

**STRATEGI 1 : MEMPERKASAKAN KEMAHIRAN DAN FASILITI BAGI MENINGKATKAN PENJANAAN EKONOMI DAN PENDAPATAN WARGA KOTA**

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN PENJAJA KUALA LUMPUR |
| ii. | PENGANJURAN PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN PERNIAGAAN |
| iii. | PENAMBAHBAIKAN PASAR AWAM/ PASAR BORONG/ RUANG NIAGA |

**STRATEGI 2 : MENGGERAKKAN USAHA KE ARAH KUALA LUMPUR YANG LEBIH BERDAYA SAING**

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | MEMPERKASAKAN PENGGUNAAN *E-PAYMENT* DALAM URUSAN PENERIMAAN |

**STRATEGI 3 : MEMPELBAGAIKAN PRODUK TARIKAN PELANCONGAN**

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | PELAKSANAAN PELAN INDUK PELANCONGAN KUALA LUMPUR 2015 - 2025 |
| ii. | MELAKSANAKAN PRORGAM PROMOSI PELANCONGAN |
| iii. | MEMBANGUNKAN INFRASTRUKTUR PELANCONGAN |

**STRATEGI 4 : MERANCANG PEMBANGUNAN SEMULA TANAH**

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | MEMBANGUNKAN PANGKALAN DATA TANAH |
| ii. | MENYEDIAKAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN SEMULA TANAH MILIK DBKL |

# MATLAMAT 2 KEMAKMURAN EKONOMI

## STRATEGI 1: MEMPERKASA KEMAHIRAN DAN FASILITI BAGI MENINGKATKAN PENJANAAN EKONOMI DAN PENDAPATAN WARGA KOTA

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Pelaksanaan Pelan Strategik Pembangunan Penjaja Kuala Lumpur | Peratus pelaksanaan pelan tindakan | 70% | 2021-2030 | Mengurus dan membangunkan sektor perniagaan kecil dengan lebih sistematik. | JPPP |
| ii. Penganjuran Program Peningkatan Kemahiran Perniagaan | Bilangan program yang dianjurkan (kursus kemahiran/ bengkel) | 70% | 2021-2030 | • Meningkatkan kemahiran membuka dan menguruskan perniagaan;<br>• Membuka peluang untuk meningkatkan taraf hidup; dan<br>• Mewujudkan peluang pekerjaan. | JPPP<br>JPKKB |
| iii. Penambahbaikan Pasar Awam/ Pasar Borong/ Ruang Niaga | Jumlah pembangunan baru dan naik taraf pasar besar dan pusat penjaja | 100% | 2021-2030 | • Menyediakan kemudahan perniagaan yang bersih, kondusif dan efisien;<br>• Menarik minat lebih ramai peniaga yang berniaga di ruang perniagaan yang disediakan serta menjadi tarikan kepada pengunjung untung datang membeli barangan keperluan hidup; dan<br>• Memberi imej positif terhadap pusat penjaja/pasar. | JPEP<br>JPPP<br>JPPPB<br>JKAS |

# MATLAMAT 2 KEMAKMURAN EKONOMI

## STRATEGI 2: MENGGERAKKAN USAHA KE ARAH KUALA LUMPUR YANG LEBIH BERDAYA SAING

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Memperkasakan Penggunaan *e-payment* Dalam Urusan Penerimaan | Peratus penggunaan *e-Payment* dalam urusan penerimaan bayaran (berdasarkan bilangan transaksi) | 95% | 2021-2030 | • Memudahkan urusan pembayaran bagi orang awam.<br>• Memantapkan penggunaan teknologi dalam urusan tugas. | JKEW |

# MATLAMAT 2 KEMAKMURAN EKONOMI

## STRATEGI 3: MEMPELBAGAIKAN PRODUK TARIKAN PELANCONGAN

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Pelaksanan Pelan Induk Pelancongan 2015 – 2025 | Peratus pelaksanaan pelan | 50% | 2021-2030 | Menjadikan Kuala Lumpur destinasi mesra pelancong. | JKKPS |
| ii. Melaksanakan Program Promosi Pelancongan | i. Bilangan aktiviti promosi<br>ii. Bilangan pengiklanan promosi | 300<br>100 | 2021-2030 | Peningkatan jumlah kemasukan pelancong ke Kuala Lumpur. | JKKPS |
| iii. Membangunkan Infrastruktur Pelancongan | Peratus pengurusan/ pembangunan infrastruktur pelancongan daripada peruntukan tahunan | 100% | 2021-2030 | Peningkatan jumlah kemasukan pelancong ke Kuala Lumpur. | JPEP<br>JPPPB<br>JKKPS |

# MATLAMAT 2 KEMAKMURAN EKONOMI

## STRATEGI 4: MERANCANG PEMBANGUNAN SEMULA TANAH

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Membangunkan Pangkalan Data Tanah | i. Kewujudan Pangkalan Data<br>ii. Peratus Penggunaan Pangkalan Data | 1<br><br>50% | 2021-2024<br><br>2024-2030 | Mewujudkan pangkalan data tanah yang boleh dijadikan sumber rujukan bagi tujuan perancangan dan pembangunan di Kuala Lumpur | JPPH |
| ii. Menyediakan Perancangan Pembangunan Semula Tanah Milik DBKL | Jumlah reka bentuk model pembangunan tapak tanah milik DBKL. | 3 | 2021-2030 | ● Pembangunan tanah yang lebih ekonomik; dan<br>● Penyediaan perumahan yang selesa untuk semua golongan rakyat bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. | JPEP<br>JPRB<br>JPPH |

# PELAN STRATEGIK DBKL 2021-2030

## MATLAMAT 3
## KEHIDUPAN BANDAR BERKUALITI

3 STRATEGI

14 PELAN TINDAKAN

# MATLAMAT 3 : KEHIDUPAN BANDAR BERKUALITI

## STRATEGI 1 : MEWUJUDKAN PROGRAM PERUMAHAN YANG BERDAYA HUNI

| PELAN TINDAKAN | |
|---|---|
| i. | MELAKSANAKAN PROGRAM PERUMAHAN BERSASAR |
| ii. | MEMPERKASAKAN PROGRAM PENYELENGGARAAN PERUMAHAN DBKL |
| iii. | MENYELENGGARA PERUMAHAN AWAM YANG DIJUAL |
| iv. | MENINGKATKAN TARAF FASILITI PERUMAHAN AWAM |
| v. | MENGUKUHKAN FUNGSI BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB)/ BADAN PENGURUSAN (MC) DI KAWASAN PEMAJUAN PERUMAHAN SWASTA BERSTRATA |

## STRATEGI 2 : MENINGKATKAN KETANGGUNGJAWABAN BERSAMA BAGI MENJAGA KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

| PELAN TINDAKAN | |
|---|---|
| i. | MENAMBAH BAIK PROSES SEMAK DAN IMBANG BAGI TUGAS PENGUATKUASAAN |
| ii. | MENGUKUHKAN JALINAN RAKAN STRATEGIK PENGUATKUASAAN |

## STRATEGI 3 : MEMELIHARA KESIHATAN, KEBERSIHAN, KEINDAHAN DAN KELESTARIAN BANDAR

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | PENGURUSAN SISA PEPEJAL YANG EFISIEN |
| ii. | MELAKSANAKAN INISIATIF KUALA LUMPUR BERSIH INDAH |
| iii. | MELAKSANAKAN INISIATIF KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR |
| iv. | MELAKSANAKAN PROGRAM INISIATIF HIJAU |
| v. | PENGURUSAN LANDSKAP DAN PENGINDAHAN BANDAR YANG KOMPREHENSIF |
| vi. | PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN KAWASAN LAPANG |
| vii. | PELAKSANAAN PELAN PENGURUSAN DAN PENGEKALAN POKOK RENDANG |

# MATLAMAT 3 KEHIDUPAN BANDAR BERKUALITI

## STRATEGI 1: MEWUJUDKAN PROGRAM PERUMAHAN YANG BERDAYA HUNI

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i.Melaksanakan Program Perumahan Bersasar | • Pelaksanaan Program Perumahan Mampu Milik B40 & M40:<br>i. Jumlah kawasan Program *Council Home* yang diperkasakan<br>ii. Jumlah kawasan Perumahan Bandar yang dibangunkan.<br>• Mewujudkan garis panduan perumahan warga emas<br>• Peratus penjualan rumah Perumahan Awam/Program Perumahan Rakyat sedia ada | 2 Kawasan<br>3 Kawasan<br>1<br>50% | 2021-2030<br>2021-2030<br>2021-2023<br>2021-2030 | • Penyediaan perumahan yang memenuhi asas Pembangunan MADANI berlandaskan kepada teras utama Malaysia MADANI iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan;<br>• Membantu golongan sasaran memiliki rumah mengikut keperluan dan kemampuan; dan<br>• Garis Panduan Perancangan Perumahan Khas Warga Emas di WPKL yang disediakan boleh dirujuk pembangunan Perumahan Khas Warga Emas yang selamat dan kondusif mengikut zon guna tanah yang dibenarkan. | JPEP<br>JPRB<br>JPPPB<br>JPKKB<br>JPPH |
| ii.Memperkasakan Program Penyelenggaraan Perumahan DBKL | i. Menyediakan Pelan Perancangan bagi Program Penyelenggaraan Komprehensif Perumahan DBKL.<br>ii. Melaksanakan program penyelenggaraan komprehensif perumahan DBKL | 1<br>100% | 2021-2022<br>2023-2030 | Menyediakan persekitaran perumahan awam yang lebih selesa dan kondusif | JPKKB |

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| iii. Menyelenggara Perumahan Awam Yang Dijual | Mewujudkan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Badan Pengurusan (MC) atau Melantik Agen Pengurusan Perumahan Dibawah Akta Pengurusan Strata 2013 (AKTA 757) | 100% | 2021-2030 | Menyediakan persekitaran perumahan awam yang lebih selesa dan kondusif | JPPH<br>JPKKB |
| iv. Meningkatkan Taraf Fasiliti Perumahan Awam | Bilangan fasiliti yang dinaik taraf di kawasan perumahan | 1,000 | 2021-2030 | Menyediakan fasiliti asas perumahan bagi keselesaan penduduk dan membentuk komuniti pintar. | JPKKB<br>JPPPB |
| v. Mengukuhkan Fungsi Badan Pengurusan Bersama (JMB)/ Badan Pengurusan (MC) di Kawasan Pemajuan Perumahan Swasta Berstrata | i. Jumlah penganjuran program seperti kursus, bengkel dan konvensyen untuk komuniti strata di kawasan pemajuan.<br>ii. Jumlah penjualan kotak "*strata kit*" kepada pemilik dan pihak pengurusan (pemaju/JMB/MC/Sub-MC) dan lain-lain. | 1,000<br><br>1,000 | 2020-2030<br><br>2020-2025 | • Memperkasakan dan memantapkan kerja-kerja pengurusan & penyenggaraan pemaju / JMB / MC / Sub- MC; dan<br>• Membantu Komuniti Strata agar mampu menguruskan bangunan mereka sendiri *(self-regulated)* | JPPH |

# MATLAMAT 3 KEHIDUPAN BANDAR BERKUALITI

## STRATEGI 2: MENINGKATKAN KETANGGUNGJAWABAN BERSAMA BAGI MENJAGA KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Menambah Baik Proses Semak dan Imbang Bagi Tugas Penguatkuasaan | i. Peratus penyediaan Pelan Strategik Penguatkuasaan 2030.<br>ii. Peratus pelaksanaan Pelan Strategik Penguatkuasaan 2030.<br>iii. Bilangan semakan semula *Standard Operating Procedure* | 100%<br>100%<br>2 kali | 2021<br>2022 – 2030<br>2021-2030 | ● Memastikan tugas penguatkuasaan selaras dengan undang-undang semasa; dan<br>● Meningkatkan kepercayaan warga kota terhadap undang-undang yang dikuatkuasakan. | JPK |
| ii. Mengukuhkan Jalinan Rakan Strategik Penguatkuasaan | i. Bilangan orang yang menyertai Sahabat Penguatkuasa daripada kalangan warga kota<br>ii. Bilangan sesi libat urus bersama agensi-agensi Penguatkuasaan WPKL | 10,000<br>10 | 2021-2030<br>2021-2030 | ● Meningkatkan kesedaran mengenai tanggungjawab bersama di dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman awam; dan<br>● Mengukuhkan kerjasama antara agensi penguatkuasaan. | JPK<br>JPKKB |

# MATLAMAT 3 KEHIDUPAN BANDAR BERKUALITI

## STRATEGI 3: MEMELIHARA KESIHATAN, KEBERSIHAN, KEINDAHAN DAN KELESTARIAN BANDAR

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Pengurusan Sisa Pepejal Yang Efisien | i. Penyediaan *Waste Management Masterplan*<br>ii. Pelaksanaan Pengurusan *Waste Management Masterplan* | 100%<br>50% | 2023 – 2025<br>2025- 2030 | Memastikan pengurusan sisa pepejal lebih mampan kos efektif dan efisien bagi mewujudkan perbandaran yang selesa, bersih dan indah untuk dikunjungi dan didiami. | JKAS |
| ii. Melaksanakan Inisiatif Kuala Lumpur Sihat, Bersih dan Indah | i. Peratus Kawasan Pelaksanaan *Blueprint* Penarafan Kebersihan WPKL (Bilangan Kawasan ditaraf)<br>ii. Bilangan pelaksanaan Operasi '*Anti-Litter*'<br>iii. Peratus penyertaan dalam program *Star Rating* Perumahan Awam (PA)/ Program Perumahan Rakyat (PR) dalam setahun.<br>iv. Peratus premis makanan digredkan dalam setahun.<br>v. Peratus tandas awam di WPKL diberi penarafan kebersihan<br>vi. Peratus pelaksanaan Program KL Bebas Asap Rokok | 100%<br>1,500<br>70%<br>100%<br>100%<br>100% | 2020-2025<br>2021-2030<br>2022-2025<br>2021-2030<br>2021-2030<br>2021-2030 | Memastikan persekitran perbandaran yang bersih, indah, sihat dan sejahtera untuk dikunjungi dan didiami. | JKAS<br>JPKKB |

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| iii. Melaksanakan Inisiatif Kawalan Pencemaran Alam Sekitar | i. Penyediaan Dokumen *Blueprint* Kawalan Pencemaran Alam Sekitar<br>ii. Pelaksanaan tindakan di bawah *Blueprint* Kawalan Pencemaran Alam Sekitar. | 100%<br><br>100% | 2020-2021<br><br>2023 -2026 | Memastikan persekitaran perbandaran yang selesa dan selamat untuk dikunjungi dan didiami. | JKAS |
| iv. Melaksanakan Program Inisiatif Hijau | i. Melaksanakan Program Inisiatif Hijau.<br>ii. Melaksanakan *Zero-Single Use Plastic Roadmap* dan pembudayaan amalan biodegradasi | 100%<br>100% | 2021-2030<br>2021-2030 | Meningkatkan kadar kitar semula dan amalan biodegradasi dalam kalangan masyarakat di Kuala Lumpur. | JKAS<br>JPKKB<br>JPPP |
| v. Pengurusan Landskap Dan Pengindahan Bandar Yang Komprehensif | i. Penyediaan Dokumen *Standard Operation Procedure (SOP):*<br>- Pengurusan Landskap Taman Awam dengan Pengurusan Landskap Tepian Jalan; dan<br>ii. Peratus Pelaksanaan SOP:<br>- Pengurusan Landskap Taman Awam dengan Pengurusan Landskap Tepian Jalan. | 100%<br><br>100% | 2021 – 2022<br><br>2021 - 2030 | ● Implementasi SOP Pengurusan Landskap di Taman Awam dan Landskap Tepian Jalan; dan<br>● Mewujudkan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya dalam taman yang memiliki kepelbagaian *biodiversiti.* | JPLR |

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| vi. Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Kawasan Lapang | i. Peratus data kawasan lapang dikemas kini<br>ii. Bilangan kawasan lapang dibangunkan untuk kemudahan rekreasi. | 100%<br>50% | 2021-2022<br>2021 - 2030 | ● Peningkatan pembangunan kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang terancang; dan<br>● Aktiviti rekreasi aktif oleh penduduk di sekitar pembangunan/ kemudahan rekreasi. | JPLR<br>JPRB<br>JPPH |
| vii. Pelaksanaan Pelan Pengurusan Pokok Rendang | Penggunaan Garis Panduan Pelan Pengurusan Pokok Rendang Dalam Permohonan Kelulusan Pembangunan | 100% | 2021 -2023 | ● Mengadakan sesi libat urus dengan pemegang taruh/pemaju; dan<br>● Pelan Pengurusan Pokok Rendang dijadikan syarat kelulusan pembangunan sejajar dengan Pelan Induk Landskap Kuala Lumpur (PILKL). | JPLR |

# PELAN STRATEGIK DBKL 2021-2030

## MATLAMAT 4
## MASYARAKAT HARMONI

3 STRATEGI | 8 PELAN TINDAKAN

# MATLAMAT 4 – MASYARAKAT HARMONI

**STRATEGI 1 : MEMPERKUKUHKAN LIBAT URUS STRATEGIK BERSAMA MASYARAKAT**

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | MENINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA BERSAMA MASYARAKAT |
| ii. | MENINGKATKAN KETERLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN |

**STRATEGI 2 : MENGGALAKKAN PERPADUAN, KESEPAKATAN DAN MASYARAKAT PEDULI**

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | WILAYAH AKTIF DAN GAYA HIDUP SIHAT |
| ii. | MENINGKATKAN KESELAMATAN DAN KEHARMONIAN KOMUNITI |
| iii. | MEMPERKASAKAN SEMANGAT PERKONGSIAN TANGGUNGJAWAB |

**STRATEGI 3 : MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN SOSIAL DAN PEMBUDAYAAN NILAI MURNI**

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | PELAKSANAAN PROGRAM SOSIAL YANG BERIMPAK TINGGI |
| ii. | MELAKSANAKAN INISIATIF PENGIKTIRAFAN KOMUNITI |
| iii. | MENYAMPAIKAN SUMBANGAN SOSIAL KOMUNITI |

# MATLAMAT 4 MASYARAKAT HARMONI

## STRATEGI 1: MEMPERKUKUHKAN LIBAT URUS STRATEGIK BERSAMA MASYARAKAT

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Meningkatkan Hubungan Dua Hala Bersama Masyarakat. | Program Libat Urus:<br>i. Peratus penglibatan masyarakat bagi projek pembangunan;<br>ii. Bilangan rundingan tunggakan sewa diadakan;<br>iii. Bilangan mesyuarat bersama Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan; dan<br>iv. Bilangan sesi libat urus bersama Majlis Perwakilan Penduduk/ Persatuan Penduduk/ Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). | 50%<br>30<br>30<br>110 | 2023-2030 | • Mewujudkan medium interaksi antara komuniti terhadap perkhidmatan yang diberikan;<br>• Meningkatkan hubungan baik pelbagai pihak dan seterusnya membentuk sebuah komuniti yang mampan; dan<br>• Membincangkan dasar dan polisi DBKL. | JPKKB<br>JPEP<br>JP |
| ii. Meningkatkan Keterlibatan Pihak Berkepentingan | i. Bilangan pelaksanaan Kempen Kesedaran Kesihatan;<br>ii. Bilangan gotong-royong; dan<br>iii. Bilangan Program Anti-Vandalisme di kawasan PA/ PPR. | 750<br>660<br>40 | 2021-2030 | • Meningkatkan tahap kesedaran kesihatan supaya dapat mengamalkan gaya hidup sihat;<br>• Menggalakkan semangat perpaduan, kerjasama dan tolong menolong; dan<br>• Mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab menjaga alam sekitar. | JPKKB<br>JKAS |

# MATLAMAT 4 MASYARAKAT HARMONI

## STRATEGI 2: MENGGALAKKAN PERPADUAN, KESEPAKATAN DAN MASYARAKAT PEDULI

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Wilayah Aktif dan Gaya Hidup Sihat | i. Bilangan Program Senam Sihat;<br>ii. Bilangan Program Merakyatkan Muzik; dan<br>iii. Bilangan Program KL *Car Free Morning*. | 480<br><br>240<br><br>240 | 2021-2030 | • Menggalakkan amalan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat.<br>• Membuka peluang rakyat bebas berkarya serta berekreasi secara sihat. | JKKPS |
| ii. Meningkatkan Keselamatan Dan Keharmonian Komuniti | Bilangan program kerjasama bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Negara (JPIN)/ Bomba/ Polis Diraja Malaysia (PDRM)/ Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)/ Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) | 50 | 2021-2030 | • Meningkatkan tahap kesedaran awam terhadap penjagaan keselamatan bersama | JPKKB |
| iii. Memperkasakan Semangat Perkongsian Tanggungjawab | Bilangan program dengan kerjasama Persatuan Penduduk/ JMB/ MC/ Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) | 1,000 | 2021-2030 | • Menggalakkan masyarakat terlibat bersama dalam program anjuran komuniti | JPKKB<br>JPPH<br>JKAS |

# MATLAMAT 4 MASYARAKAT HARMONI

## STRATEGI 3: MEMPERKASA PEMBANGUNAN SOSIAL DAN PEMBUDAYAAN NILAI MURNI

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Pelaksanaan Program Sosial Yang Berimpak Tinggi | i. Bilangan program Peningkatan Jati Diri;<br>ii. Bilangan program Modal Insan;<br>iii. Bilangan program Kerohanian;<br>iv. Bilangan program Kekeluargaan; dan<br>v. Bilangan program CSR/Taman Angkat/ Penajaan Pokok. | 150<br>150<br>150<br>50<br>20 | 2021-2030 | • Membuka peluang kepada agensi luar, komuniti dan NGO yang turut berperanan menyertai Kempen Kesedaran melalui Program Penanaman Pokok;<br>• Penghijauan bandaraya melalui program Taman Angkat / CSR dari pihak swasta atau NGO;<br>• Memberi kesedaran sosial mengenai keperluan penghijauan bandaraya melalui Kempen Penanaman Pokok dan Inisiatif Pelan Rendah Karbon 2030;<br>• Mempromosikan Program Penghijauan dengan lebih komprehensif;<br>• Bilangan penanaman pokok teduhan secara konsisten di kawasan yang ditetapkan; dan<br>• Perluasan kawasan program kesedaran secara menyeluruh mengikut Parlimen di Bandaraya Kuala Lumpur | JPKKB<br>JPLR |
| ii. Melaksanakan Inisiatif Pengiktirafan Komuniti | i. Menyediakan dokumen kriteria pengiktirafan komuniti; dan<br>ii. Pelaksanaan Pengiktirafan Komuniti. | 1<br>7 | 2021-2030 | • Melahirkan idola kemasyarakatan kepada belia/kanak-kanak; dan<br>• Kepelbagaian pengiktirafan atas penglibatan. | JPKKB |

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| iii. Menyampaikan Sumbangan Sosial Komuniti | i. Peratus Majlis Perwakilan Penduduk yang menerima sumbangan; dan<br>ii. Peratus Persatuan Penduduk Berdaftar PA/PPR yang menerima sumbangan. | 100%<br>100% | 2021-2030 | • Meningkatkan kesepakatan dalam menjalankan aktiviti bersama Majlis/ Persatuan bersama penduduk. | JPKKB<br>JKEW |

# PELAN STRATEGIK DBKL 2021-2030

## MATLAMAT 5
## TADBIR URUS CEMERLANG

6 STRATEGI

18 PELAN TINDAKAN

## MATLAMAT 5

### STRATEGI 1 : MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS *(TRANSPARENCY)*

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | PELAKSANAAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI |
| ii. | MELAKSANAKAN PROGRAM PENDEKATAN NILAI MURNI BERASASKAN PENCEGAHAN, PENGGALAKKAN DAN PEMBUDAYAAN INTEGRITI |
| iii. | MEMPERKASAKAN TINDAKAN PUNITIF TERHADAP WARGA DBKL YANG TERLIBAT DENGAN PELANGGARAN INTEGRITI |
| iv. | PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN PETUNJUK KAWALAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI) |
| v. | MEMATUHI AKTA, PERINTAH TETAP, PEKELILING BERKAITAN PENGURUSAN KEWANGAN, ASET DAN STOR |
| vi. | PIAWAIAN AMALAN PROFESIONAL AUDIT DALAM SEPERTI YANG DIGARISKAN OLEH BADAN PROFESIONAL IAITU *INSTITUTE OF INTERNAL AUDITORS MALAYSIA (IIAM)*. |
| vii. | MENGAUTOMASIKAN PELAKSANAAN KERJA-KERJA PENGAUDITAN |

### STRATEGI 2 : MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN *(CUSTOMER FOCUS)*

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | PELAN STRATEGIK KOMUNIKASI |

## STRATEGI 3 : MENGGUNAKAN SUMBER ORGANISASI SECARA OPTIMUM DAN MENINGKATKAN HASIL

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK SUMBER MANUSIA |
| ii. | PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK PENGURUSAN KEWANGAN |
| iii. | MELAKSANAKAN PENILAIAN SEMULA HARTA DI WPKL |
| iv. | PELAKSANAAN SISTEM KEWANGAN BERSEPADU YANG CEKAP |

## STRATEGI 4 : USAHA KE ARAH BANDAR RAYA PINTAR

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | PELAKSANAAN *BLUEPRINT* BANDAR PINTAR |
| ii. | PELAN STRATEGIK ICT DBKL 2021 - 2025 |
| iii. | PELAN STRATEGIK ICT DBKL 2026 – 2030 |

## STRATEGI 4: MENYEDIAKAN PELUANG BAGI MENEROKA IDEA BARU, MEREKA CIPTA DAN PENADAARASAN

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | PROGRAM PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) |
| ii. | MEMANTAPKAN PENGURUSAN PENANDAARASAN |

## STRATEGI 5: MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERUNDANGAN YANG CEKAP DAN BERKESAN

| | PELAN TINDAKAN |
|---|---|
| i. | MEMASTIKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG DINAMIK DAN RELEVAN |

# MATLAMAT 5 TADBIR URUS YANG CEMERLANG

## STRATEGI 1: MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Organisasi | Peratus pencapaian inisiatif di dalam Pelan Anti Rasuah Organisasi. | 100% | 2021-2030 | Perancangan aktiviti berkaitan pelaksanaan integriti di dalam organisasi. | JIT |
| ii. Melaksanakan Program Pendekatan Nilai Murni Berasaskan Pencegahan, Penggalakkan dan Pembudayaan Integriti | Bilangan program penerapan nilai-nilai murni kepada warga DBKL. | 200 | 2021-2030 | Pembudayaan dan pemantapan integriti di kalangan warga DBKL. | JIT |
| iii. Memperkasakan Tindakan Punitif Terhadap Warga DBKL yang Terlibat Dengan Pelanggaran Integriti | Menyediakan kertas pertimbangan dalam tempoh 60 hari sebelum dikemukakan ke Lembaga Tatatertib Bebas. | 100% | 2021-2030 | • Memastikan warga DBKL mematuhi peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa; dan<br>• Penerapan kesedaran dan kefahaman mengenai kesan pelanggaran tata kelakuan dan tindakan tatatertib terhadap warga. | JIT |

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| iv. Pengurusan Kewangan Berdasarkan Petunjuk Kawalan Indeks Akauntabiliti (AI) | Peratus pencapaian penarafan mengikut tahap/skor rating. | 90%-100% (5 Bintang) | 2021-2030 | • Memperolehi Sijil Tanpa Teguran (Sijil Bersih) bagi Penyata Kewangan;<br>• Mewujudkan budaya kerja berasaskan kepada amalan terbaik; dan<br>• Mempertingkatkan tahap pengurusan kewangan dari aspek integriti dan akauntabiliti. | JAD |
| v. Mematuhi Akta, Perintah Tetap, Pekeliling Berkaitan Pengurusan Kewangan, Aset dan Stor. | Menyediakan/ mengemaskini perintah tetap dan garis panduan bagi perkara berikut:<br>• Aset tidak alih<br>• Aset alih<br>• Kewangan<br>• Perolehan | <br>100%<br>100%<br>100%<br>100% | 2021-2030 | Pelaksanaan kerja secara teratur berasaskan amalan kerja terbaik untuk meningkatkan kecekapan pengurusan. | JP<br>JKEW |
| vi. Piawaian Amalan Profesional Audit Dalam Seperti Yang Digariskan Oleh Badan Profesional iaitu *Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM)* | Penyediaan dokumen Garis Panduan Pematuhan *International Professional Practice Framework* (IPPF) | 1 | 2022 | Pengukuhan amalan professional juruaudit dalaman yang selari dengan standard yang ditetapkan oleh IIAM yang merupakan badan induk yang mengawal selia profesion juruaudit dalaman. | JAD |

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| vii. Mengautomasikan Pelaksanaan Kerja-Kerja Pengauditan | Pengunaan Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAPS) | 100% | 2023 | • Inovasi dalam proses pengauditan dengan mengadaptasikan penggunaan teknologi maklumat; dan<br>• Meningkatkan tahap kecekapan dan ketepatan dalam proses pengauditan. | JAD |

# MATLAMAT 5 TADBIR URUS YANG CEMERLANG

## STRATEGI 2: MENINGKATAKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN *(CUSTOMER FOCUS)*

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Pelan Strategik Komunikasi | Peratusan pelaksanaan Pelan Komunikasi Strategik DBKL dan peningkatan hebahan mengenai DBKL di pelbagai medium | 100% | 2021-2030 | ● Maklumat boleh dicapai melalui pelbagai saluran media cetak, media elektronik dan media sosial; dan<br>● Maklumat mengenai DBKL dapat disebarluaskan kepada kumpulan sasar yang ditetapkan dengan cepat, tepat dan mendapat liputan meluas. | JPRK |

# MATLAMAT 5 TADBIR URUS YANG CEMERLANG

## STRATEGI 3: MENGGUNAKAN SUMBER ORGANISASI SECARA OPTIMUM DAN MENINGKATKAN HASIL

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Pelaksanaan Pelan Strategik Sumber Manusia | Peratus Pelaksanaan Pelan Strategik Sumber Manusia | 100% | 2021-2030 | Mengurus sumber manusia secara optimum, lebih kompeten dan berintegriti. | JPSM |
| ii. Pelaksanaan Pelan Strategik Pengurusan Kewangan | i. Mewujudkan Dokumen Pelan Strategi Pengurusan Kewangan; dan<br>ii. Peratus Pelaksanaan Pelan Strategik Pengurusan Kewangan | 1<br>85% | 2021-2022<br>2022-2030 | Mengurus sumber kewangan secara teratur dan perbelanjaan secara berhemah. | JKEW |
| iii. Melaksanakan Penilaian Semula Harta di WPKL | Jumlah Peningkatan Peratusan Nilai Tahunan (berdasarkan Unit) | 650,000 | 2021-2030 | Meningkatkan hasil DBKL. | JPPH |
| iv. Pelaksanaan Sistem Kewangan Bersepadu Yang Cekap | Peratus Penggunaan *Core System* DBKL | 100% | 2021-2030 | Pengurusan kewangan yang lebih cekap dan berkesan. | JKEW |

# MATLAMAT 5 TADBIR URUS YANG CEMERLANG

## STRATEGI 4: USAHA KE ARAH BANDAR RAYA PINTAR

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Pelaksanaan *Blueprint* Bandar Pintar | Peratus Pelaksanaan Komponen Bandar Pintar:<br>● *Smart Governance*<br>● *Smart People*<br>● *Smart Digital Infrastructure*<br>● *Smart Economy*<br>● *Smart Mobility*<br>● *Smart Living*<br>● *Smart Environment* | 100% | 2021-2030 | Penggunaan ICT yang kemajuan teknologi bagi menyelesaikan isu-isu perbandaran bagi tujuan:<br>● Meningkatkan kualiti hidup;<br>● Menggalakkan pertumbuhan ekonomi;<br>● Membangunkan persekitaran mampan dan selamat; dan<br>● Pengurusan bandar yang cekap. | JPRB<br>JPM |
| ii. Pelan Strategik ICT DBKL 2021-2025 | Peratus Pelaksanaan Pelan Strategik ICT DBKL (2021-2025) | 85% | 2021-2025 | Mengoptimumkan kualiti perkhidmatan daripada aspek infrastruktur, aplikasi, kompetensi dan tadbir urus ICT. | JPM |
| iii. Pelan Strategik ICT DBKL 2026-2030 | Peratus Pelaksanaan Pelan Strategik ICT DBKL (2026 -2030) | 85% | 2026-2030 | Mengoptimumkan kualiti perkhidmatan daripada aspek infrastruktur, aplikasi, kompetensi dan tadbir urus ICT. | JPM |

# MATLAMAT 5 TADBIR URUS YANG CEMERLANG

## STRATEGI 5: MENYEDIAKAN PELUANG BAGI MENEROKA IDEA BARU, MEREKA CIPTA DAN PENANDAARASAN

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) | i. Bilangan kajian produk/perkhidmatan yang melalui proses R&D; dan<br>ii. Bilangan kolaborasi strategik dengan pihak berkepentingan | 30<br><br>30 | 2021-2030 | • Membudayakan R&D untuk pembangunan organisasi; dan<br>• Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan | IDB |
| ii. Memantapkan Pengurusan Penandaarasan | Bilangan program perkongsian amalan terbaik dan inovasi | 30 | 2021-2030 | Untuk meningkatkan pengetahuan dalam pelaksanaan fungsi pengurusan bandar. | IDB |

# MATLAMAT 5 TADBIR URUS YANG CEMERLANG

## STRATEGI 6: MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERUNDANGAN YANG CEKAP DAN BERKESAN

| PELAN TINDAKAN | PETUNJUK SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TEMPOH SASARAN (TAHUN) | HASIL | T/JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Memastikan Peruntukan Undang-Undang Yang Dinamik Dan Relevan | i. Bilangan undang-undang sedia ada yang dikemas kini; dan<br>ii. Bilangan undang-undang yang digubal. | 2 (Undang-Undang Kecil)<br>1 Akta | 2021-2024<br>2021-2030 | • Memantapkan dan memperkemaskan undang-undang; dan<br>• Memastikan undang-undang sedia ada kekal relevan untuk dikuatkuasakan. | JUP |

# PENUTUP

Pelan Strategik DBKL 2021-2030 dibangunkan secara dinamik bagi membolehkan penambahbaikan dilakukan secara berterusan untuk membangunkan Kuala Lumpur ke arah bandar raya yang lebih sejahtera.



KUALA LUMPUR BANDAR UNTUK SEMUA

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut,
50530, Kuala Lumpur,
Malaysia

Talian Am: 603 – 2617 900
Pusat Panggilan Setempat (Call Centre): 1 800-88-3255
Faks: 603 2698 0460 Emel: dbkl@dbkl.gov.my